



## BN Pahang pertaruh hampir 70 peratus muka baharu

Oleh [RoselanAb Malek](#) - November 1, 2022 @ 11:52pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail bersama hadirin pada Majlis Apresiasi Kecemerlangan STPM 2021 dan Hal Ehwal Murid anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, hari ini. - Foto BERNAMA

JERANTUT: Barisan Nasional (BN) Pahang mempertaruhkan hampir 70 peratus muka baharu yang akan bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, calon muka baharu dan lama yang akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diumumkan di Kuantan, esok.

"Pemilihan calon hampir muktamad dan ia adalah kombinasi Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO.

"Ada muka lama, veteran, baharu, muda. Calon dalam 60 hingga 70 peratus adalah calon baharu," katanya pada media selepas Majlis Apresiasi Kecemerlangan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2021 dan Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Negeri Pahang di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Jerantut di sini, hari ini.

Difahamkan, daripada 60 hingga 70 peratus calon baharu itu bagi menggantikan penyandang kerusi DUN yang veteran yang sudah berkhidmat di kawasan yang sama lebih lima penggal, sekali gus bagi memberi laluan kepada pemimpin generasi baharu.

Antara calon muka baharu yang disebut-sebut bertanding ialah Ketua Pemuda Umno Pahang, Mohd Farid Mohd Nor dan anak sulung bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Datuk Nizar Mohd Najib antara yang dikhaskan untuk bertanding di kerusi DUN.

Turut disebut ialah Ketua Pemuda Jerantut, Faizal Jamlus dan Ketua Puteri Jerantut, Faezah Ishak

Selain itu, Wan Rosdy yang juga Pengurus BN Negeri Pahang berkata, kira-kira 75,000 pengundi muda berusia 18 hingga 20 tahun di negeri ini yang julung kalinya akan membuang undi diyakini akan memihak kepada BN.

Katanya, daripada segi bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri sebelum ini, pihaknya juga tidak pernah meminggirkan golongan muda berkenaan.

"Kita sudah mendekati pengundi muda sejak dulu lagi. Golongan ini harus didekati, mereka pun nak tahu kerajaan negeri buat apa untuk mereka.

"Walaupun belum capai 100 peratus, tetapi hampir 60 peratus daripada mereka memihak kepada BN," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya berkaitan penyandang kerusi Parlimen Jerantut Datuk Ahmad Nazlan Idris, yang mengumumkan untuk tidak mempertahankan kerusi itu, Wan Rosdy berkata, BN Pahang menghormati dan akur dengan keputusan Ahmad Nazlan.

"Beliau (Ahmad Nazlan) berjanji akan turun padang membantu kempen bagi memastikan BN menang untuk calon baru BN Parlimen Jerantut," katanya.